

# UPM buka Pejabat Mahasiswa Luar Kampus

Oleh Mohd Feroz Abu Bakar

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) menubuhkan Pejabat Mahasiswa Luar Kampus bagi membantu pelajar yang tinggal di luar kampus meningkatkan pencapaian akademik dan membina keperibadian tinggi.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa), Prof Dr Abdullah Al-Hadi Mohamed, berkata pejabat diletakkan di bawah Bahagian Hal Ehwal Mahasiswa itu menyusun pelbagai program akademik dan bukan akademik untuk kira-kira 10,000 pelajar universiti itu yang tinggal di luar kampus.

Katanya, program seperti kemahiran belajar dan kursus motivasi itu dijalankan dengan kerjasama fakulti dan kolej kediaman.

"Setiap pelajar yang tinggal luar kampus diletakkan di bawah naungan kolej kediaman dan mereka akan dijemput untuk menyertai program anjuran fakulti atau kolej bagi me-

ingkatkan pencapaian akademik.

"Selain itu, mereka juga dibenarkan menggunakan kemudahan di kolej kediaman seperti perpustakaan dan bilik bacaan atau tutorial.

"Universiti akan membantu pelajar ini kerana kebanyakannya lemah akademik kerana tinggal di luar kampus," katanya selepas melancarkan buku Panduan Pengurusan Persatuan Mahasiswa di Kolej Tun Perak, UPM, Serdang, Selangor, semalam.

Hadir sama Pengerusi Pembangunan Sesi Pelajar, Prof Madya Dr Fauzi Ramlan dan Pengetua Kolej Tun Perak, Prof Madya Dr Jasni Sabri.

Dr Abdullah berkata, mulai sesi Jun ini, setiap kolej kediaman disyaratkan mengambil sekurang-kurangnya 10 peratus daripada penghuni mereka di kalangan pelajar lemah, iaitu yang mencatat Purata Nilai Gred (PNG) kurang 2.0.

Katanya, terdapat 14 kolej kediaman di

Pejabat yang diletakkan di bawah Bahagian Hal Ehwal Mahasiswa itu menyusun pelbagai program akademik dan bukan akademik untuk kira-kira 10,000 pelajar universiti itu yang tinggal di luar kampus

universiti itu yang mampu menampung kira-kira 16,000 mahasiswa dan dengan adanya kuota khas untuk pelajar lemah, membolehkan 1,600 daripada mereka layak tinggal dalam kampus.

"Sebelum ini, penghuni kolej yang mencatat PNG di bawah 2.0 dan kurang aktif tidak layak tinggal di asrama pada semester berikutnya.

"Tetapi mulai semester Jun ini, pelajar yang diberi amaran kerana pencapaian akademik lemah dibenarkan terus tinggal di asrama dan mereka akan dibantu oleh fakulti dan kolej.

"Bagi pemimpin persatuan pelajar yang mencatat PNG kurang 2.25 pula, mereka dikehendaki meletak jawatan dan memberi tumpuan penuh terhadap pengajian," katanya.

BH.  
Rabu 28 Mei 2006